

25/06/2003

Orang Kelantan bosan dengan pimpinan Umno bahagian

Sam-Sen

PRESIDEN Umno banyak memberikan ingatan, nasihat, teguran dan cadangan kepada umat Melayu, khususnya ahli Umno dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54, yang berakhir Sabtu lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berulang lagi mahukan orang Melayu, terutama ahli Umno bersatu demi mengukuhkan parti dan kedudukan bangsa Melayu.

Dalam ucapan perasmian perhimpunan itu, Perdana Menteri mengingatkan ahli Umno bahawa kehancuran parti bukan disebabkan parti lawan kuat, tetapi orang Umno sendiri yang tidak bersatu. Beliau turut menyebut mengenai musuh dalam selimut yang lebih berbahaya daripada musuh yang diketahui terang-terangan.

Dalam perhimpunan itu, Dr Mahathir mahukan setiap ahli parti menyokong pemimpin yang dipilih bagi menerajui parti. Mereka juga diingatkan pentingnya menunjukkan sokongan dan taat setia kepada parti serta pemimpin.

Malangnya, walaupun ikrar dan sokongan dibuat, ada pemimpin dan ahli Umno yang sanggup mengingkari janji itu.

Dalam hal ini, saya ingin merujuk kepada tulisan di ruangan ini yang bertajuk 'Agenda tersembunyi cuba jatuhkan Tok Pa dikesali' oleh Ketua Pemuda Umno Tanah Merah yang juga Exco Pemuda Umno, Ikmal Hisham Abdul Aziz.

Pada pengamatan saya, usaha menjatuhkan Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Kelantan, Datuk Mustapha Mohamed (Tok Pa) tidak akan berakhir, selagi ketua bahagian yang sudah mencapai tahap 'expired' masih dikekalkan.

Usaha sedemikian pernah berlaku pada tahun 2002, tetapi tidak dihebohkan sangat dan kurang diketahui oleh penyokong Umno. Cerita itu mempunyai kebenarannya walaupun tidak dapat dibuktikan dengan jelas.

Secara ringkasnya dapatlah saya simpulkan bahawa orang Kelantan bukanlah hendak menyokong Pas di bawah pimpinan Menteri Besarnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tetapi bosan dengan kepemimpinan Umno pada peringkat bahagian.

Apa yang saya lihat dari dulu hingga sekarang, mereka asyik bercakaran sesama sendiri bagi merebut jawatan dan mendapat kemudahan lain.

Dr Mahathir pernah menerajui Umno Kelantan dan lebih arif serta memahami keadaan ini.

Ketua bahagian Umno Kelantan akan menyokong pucuk pimpinan di depan mereka saja, tetapi di belakang lain ceritanya.

Jika begini halnya, mana janji dan ikrar yang dibuat di depan pemimpin parti bahawa mereka akan menyokong siapa saja dipilih memimpin mereka.

Jika begini halnya, kita bimbang bagaimana Umno Kelantan hendak merapatkan barisan dan mengukuhkan benteng bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Saya tidak boleh menjawab bagi pihak mereka. Mereka yang sepatutnya

lebih memahami perkara ini, jika sayangkan Umno. Jika mereka mahu Pas terus menerajui Kelantan, usahlah dengar nasihat dan ingatan pemimpin. SAM-SEN,
Machang, Kelantan.